

---

## SIARAN MEDIA

### **PENALTI RM 1.94 JUTA KEPADA LAPAN PERUSAHAAN KERANA MELAKUKAN TIPUAN BIDA**

**KUALA LUMPUR, 4 MAC 2019** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap lapan (8) syarikat kerana terlibat dalam aktiviti tipuan bida melalui beberapa tender dengan nilai keseluruhan sebanyak RM 1.92 juta yang ditawarkan oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Tipuan bida adalah salah satu pelanggaran di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010. ASWARA merupakan institusi pengajian tinggi awam dalam bidang seni persembahan di Malaysia.

MyCC telah memulakan siasatan ke atas lapan (8) syarikat yang didapati bersepakat untuk berkongsi maklumat tender antara satu sama lain, memanipulasi harga dalam tender dan menyediakan dokumen untuk satu sama lain. Pemenang tender juga telah berkongsi keuntungan dengan pembida yang kalah.

"MyCC ingin mengucapkan terima kasih kepada ASWARA kerana memberikan kerjasama dan sokongan penuh kepada kami dalam membongkar kartel tipuan bida ini. Kami akan tetap komited dalam menangani aktiviti tipuan bida pada masa hadapan. MyCC tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap pelaku tipuan bida bagi memastikan proses perolehan sentiasa telus di Malaysia", kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

"Saya ingin menyeru kepada organisasi lain untuk mengikuti langkah yang sama dengan menyalurkan kepada MyCC sebarang maklumat berkaitan aktiviti tipuan bida yang disyaki berlaku dalam mana-mana tender. Syarikat yang terlibat dalam aktiviti penipuan bida boleh tampil ke hadapan untuk mendapatkan pengurangan penalti daripada MyCC melalui Program Rejim Kelonggaran" tambah Iskandar.

Tipuan bida adalah salah satu bentuk pelanggaran yang serius di bawah Akta Persaingan 2010 yang berlaku apabila dua atau lebih pembida dalam sesuatu tender, bersepakat untuk mengganggu proses persaingan yang adil dan saksama. Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC dan Rejim Kelonggaran, sila lawati laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

--tamat--

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [noorliza@mycc.gov.my](mailto:noorliza@mycc.gov.my)

**Bahagian Hal Ehwal Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan Suruhanjaya Persaingan, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

**Nota Untuk Pengarang:**

**Cabutan daripada Seksyen 4 Akta Persaingan 2010:**

**Perjanjian Anti-Persaingan**

**Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang**

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.
- (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk:
- (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
  - (b) berkongsi pasaran atau punca berkaitan;
  - (c) membataskan atau mengawal:
    - (i) pengeluaran;
    - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
    - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
    - (iv) pelaburan; atau
  - (d) melakukan tipuan bida,
- disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.
- (3) Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggung bagi pelanggaran larangan itu.

## Cabutan daripada Seksyen 41 Akta Persaingan 2010:

### Rejim kelonggaran

41. (1) Maka hendaklah ada suatu rejim kelonggaran, dengan suatu penurunan sehingga maksimum seratus peratus bagi apa-apa penalty yang akan dikenakan selainnya, yang boleh diadakan dalam kes perusahaan yang telah:
- (a) mengakui penglibatannya dalam suatu pelanggaran manamana larangan di bawah subseksyen 4(2); dan
  - (b) memberikan maklumat atau bentuk kerjasama yang lain kepada Suruhanjaya yang membantu secara signifikan, atau mungkin membantu secara signifikan, dalam pengenalpastian atau penyiasatan apa-apa dapatan pelanggaran mana-mana larangan oleh mana-mana perusahaan yang lain.
- (2) Suatu rejim kelonggaran boleh membenarkan peratusan pengurangan yang berlainan diadakan bagi sesuatu perusahaan bergantung pada
- (a) sama ada perusahaan itu ialah orang yang pertama sekali membawa pelanggaran yang disyaki itu kepada perhatian Suruhanjaya;
  - (b) peringkat dalam penyiasatan apabila
    - (i) suatu penglibatan dalam pelanggaran itu diakui; atau
    - (ii) apa-apa maklumat atau kerjasama lain telah diberikan; atau
  - (c) apa-apa hal keadaan lain yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya untuk diambil kira.